

Konsep Usia atau Lama-Waktu Bahasa Melayu dalam Bidang Linguistik Sejarah dan Perbandingan

The Concept of Malay Age or Length of Time in Linguistics of History and Comparison

Mohd Khaidir Abdul Wahab¹

ABSTRAK

Bahasa dianggap berbaka atau berasal usul. Terdapat bentuk yang lebih tua yang dikenali sebagai bahasa induk yang akan memencarkan bentuk yang lebih muda, iaitu bahasa turunan. Ciri-ciri daripada bahasa induk akan diturunkan daripada generasi kepada generasi seterusnya. Ini bermaksud sesuatu bahasa itu akan membiak dengan membentuk keluarga bahasa. Dalam konteks penulisan ini konsep usia atau lama waktu bahasa Melayu akan diteliti berdasarkan konsep, teori, dan hipotesis yang telah dikemukakan oleh pelopor bidang ini. Pengkaji menggunakan tatacara kualitatif, iaitu melalui pandangan dan pemerian terhadap penulisan-penulisan terdahulu yang memanfaatkan bidang Linguistik Sejarah dan Perbandingan (LSP) dalam menangani fenomena atau data linguistik Melayu. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menghuraikan susur galur bahasa Melayu melalui peringkat perkembangan bahasa yang ditentukan berdasarkan usia atau lama-waktu. Di samping itu, kajian ini juga bermatlamat untuk menyerlahkan fungsi dan keperluan bidang LSP dalam pemerihalan salasilah rumpun bahasa, khususnya bahasa Melayu. Berdasarkan Teori Pohon yang diperkenalkan oleh August Schleicher sesuatu bahasa dikatakan memencarkan dialek. Teori ini membantu pengkaji untuk melihat hubungan antara bahasa induk dengan bahasa yang lebih baru atau bahasa turunan atau “daughter languages”. Secara umumnya kajian ini mendapati bahawa beberapa titik tolak dalam pendekatan LSP telah dipersetujui dalam membincangkan berkaitan konsep usia atau lama waktu sesuatu bahasa antaranya ialah bahasa adalah berkerabat, bahasa berkembang muda menjadi tua, Sesebuah bahasa dikatakan memencarkan dialek, perkembangan dialek mengambil masa yang sangat lama dan berlaku beransur-ansur serta hubungan jauh dan dekat antara bahasa turunan. Beberapa hipotesis yang dikemukakan ini memberikan gambaran yang menyeluruh dalam usaha menelusuri perkembangan salasilah sesuatu bahasa.

Kata Kunci: *Usia, Lama-Waktu, Bahasa Melayu, Bahasa Induk, Bahasa Turunan*

¹ Mohd Khaidir Abdul Wahab, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, mohdkhaidir@usm.my.

ABSTRACT

Languages are considered to have origins. There is an older form of the language, known as the proto language, which will spread into the more updated forms of language, known as the offspring. Characteristics of the proto language will be passed down from generation to generation. This means that the language will multiply thus forming a language family. In the context of this paper the concept of age or length of time will be scrutinized through concept, theories and hypotheses which have been put forward by the pioneers of this field. Researcher uses qualitative procedures, namely through observation and details from earlier writings which center around Linguistics History and Comparison (LSP) in addressing the phenomenon or Malay linguistic data. Therefore, the objective of this study was to explain the chronology of the Malay language through the stages of language development based on age or length of time. In addition, this study also aims to highlight the functions and needs of LSP in describing the language family tree, especially the Malay language. According to Tree Theory as introduced by August Schleicher, a language is said to form dialects. This theory helps the researcher to see the relationship between the proto language and the newer forms of language or inherited or daughter language. In general, this study found that several points of in LSP approach are agreed to discuss the language concept of age or length of time such as its relativity, and the modernisation of the language from old to modern age. A language gives birth to dialect in a very long period of time and it happens gradually. This affects the distance between the relationship of parent and daughter language. Some of these hypotheses provide a comprehensive overview in tracking the development of a language.

Keywords: *Age, Length of Time, Malay, Proto Language, Daughter Languages*

Pengenalan

Salasilah bahasa merujuk kepada daftar keturunan atau asal usul bahasa sesuatu bahasa. Berdasarkan pendekatan Linguistik Sejarah dan Perbandingan (LSP) sesuatu bahasa dan dialek diandaikan diturunkan daripada bahasa induk atau bahasa purba (Asmah, 1993). Pemencaran bahasa daripada induk ini melahirkan bahasa turunan yang akan mewujudkan salasilah bahasa. Salasilah bahasa ini mengandungi peringkat perkembangan bahasa yang ditentukan berdasarkan usia bahasa atau istilahnya lama-waktu yang berbeza-beza (Syed Zainal Arif & Noriah, 2017). Ini sejajar dengan salah satu kepentingan bidang LSP ini, iaitu untuk mengadakan pengelompokan atau *subgrouping* ke atas bahasa-bahasa yang berada dalam suatu rumpun bahasa atau subkelompok bahasa yang tertentu.

Kegiatan penghasilan semula bahasa purba atau bahasa induk ini dianggap sah dan relevan melalui andaian salasilah sebuah keluarga. Ini kerana ciri-ciri bahasa purba diwarisi oleh bahasa dan dialek semasa sama ada ciri berkenaan sudah berubah atau masih kekal (Noriah & Rohani, 2011). Bidang ini juga berfungsi meneliti perkembangan unsur dalaman dan luaran bahasa sejak kemunculan bahasa berkenaan sehingga ke suatu waktu tertentu (Noriah, 2015). Perbandingan sesebuah data sesuatu bahasa dilaksanakan untuk memperlihatkan perkembangan yang berlaku dalam tempoh masa tertentu (Bynon, 1994).

Keutuhan ilmu LSP inilah yang mengetengahkan istilah-istilah dan konsep yang perlu digilap dan diketengahkan semula khususnya kepada pengkaji-pengkaji baharu yang berminat untuk menekuni bidang ini. Ini kerana terdapat sesetengah kajian yang tidak mendasari istilah atau konsep-konsep penting ini dalam membincangkan peringkat perkembangan bahasa yang ditentukan berdasarkan usia bahasa atau lama-waktu.

Justeru, dalam konteks penulisan ini konsep lama waktu bahasa akan difokuskan berdasarkan beberapa pandangan daripada para pengemuka bidang ini.

Permasalahan Kajian

Linguistik Sejarah dan Perbandingan (LSP) merupakan suatu cabang dari ilmu bahasa yang mempersoalkan bahasa dalam bidang waktu serta perubahan unsur bahasa yang terjadi dalam bidang waktu tersebut (Keraf, 1984). Salah satu objektif bidang ini ialah mengadakan pengelompokan (*subgrouping*) ke atas bahasa-bahasa yang berada dalam suatu rumpun bahasa atau subkelompok bahasa yang tertentu (Rahim, 2006). Bahasa-bahasa yang berasal dari induk yang sama akan berkembang menjadi bahasa-bahasa baru seterusnya membentuk satu keluarga bahasa (*language family*) (Sudarno, 1994; Surip & Widayati, 2019).

Antara permasalahan utama ialah pengkaji mendapati sesetengah rujukan hanya mengetengahkan istilah filum, rumpun, keluarga dan subkeluarga bahasa untuk menunjukkan usia bahasa dalam menghuraikan peringkat perkembangan bahasa. Adakah semudah itu? Bagi pendapat pengkaji pendekatan LSP perlu dijadikan asas penghuraian sesuatu konsep perkembangan bahasa agar istilah-istilah penting itu diketahui dan dikuasai oleh para pengkaji baharu. Berdasarkan sorotan pengkaji tentang kajian lampau berkaitan salasilah bahasa mendapati bahawa cetusan idea dan huraian yang dibuat oleh pengkaji bidang LSP adalah lebih jelas dan jitu dalam membincangkan peringkat perkembangan bahasa yang ditentukan berdasarkan usia bahasa atau istilahnya 'lama waktu' yang berbeza-beza. Pendapat ini sejajar dengan apa yang dikemukakan oleh Asmah (1985) yang menyatakan bahawa maklumat berkaitan sejarah pertumbuhan dan perkembangan bahasa Melayu pada zaman silam yang merujuk kepada proses pemencaran bahasa daripada induknya masih lagi kurang meluas kerana terlalu sedikit bahan-bahan bertulis yang mengetengahkan aspek ini untuk dibincangkan. Justeru, bagi menyerlahkan keperluan bidang LSP pengkaji telah memperhalusi pandangan dan huraian yang dibuat oleh pengemuka-pengemuka bidang ini bagi menggilap semula konsep-konsep penting yang diambil enteng oleh sesetengah pihak dalam membincangkan peringkat perkembangan bahasa Melayu.

Asmah (2008) menjelaskan bahawa perkaitan kekeluargaan antara bahasa-bahasa ibarat hubungan kekeluargaan antara manusia. Justeru dalam bahasa juga ada perkaitan atau hubungan yang dekat dan jauh. Pengelompokan bahasa berlaku apabila terdapat sekumpulan bahasa yang mempunyai lebih banyak ciri-ciri yang sama antara mereka dan berada dalam kelompoknya tersendiri walaupun terdapat perkaitan kekeluargaan. Bahasa-bahasa yang dikelompokkan ini diberi nama-nama khusus berdasarkan lama-waktu (*time-*

depth) tersendiri. Antara konsep yang penting yang perlu diketengahkan dalam membincangkan peringkat perkembangan bahasa ialah konsep lama-waktu. Lama-waktu sesuatu bahasa bermaksud umur sesuatu bahasa yang dikira dari masa bahasa itu berpecah atau dipencarkan dari bahasa induknya. Istilah pemencaran digunakan untuk merujuk kepada bahasa yang lebih muda atau disebut bahasa turunan (*daughter languages*). Bahasa turunan tidak dilahirkan secara tiba-tiba oleh bahasa yang lebih tua, sebaliknya dalam bahasa yang lebih tua memang sedia wujud variasi bahasa yang biasanya dikenali sebagai dialek. Dialek-dialek ini akan berkembang secara bersendirian menjadi bahasa-bahasa yang berlainan apabila berpisah daripada bahasa induk disebabkan beberapa faktor. Antaranya ialah halangan fizikal seperti gunung ganang, lautan, halangan sosial, atau politik seperti agama, ras dan tidak adanya pertembungan dan komunikasi dalam sebarang medium (Noriah, 1999). Dalam konteks salasilah hipotetikal bahasa berdasarkan usia lama-waktu sesuatu kumpulan bahasa itu adalah umur kumpulan yang berkenaan dikira dari waktu kumpulan itu berpisah dari kumpulan yang lebih besar yang mempunyai berbagai-bagai kumpulan yang lebih kecil yang digolongkan ke dalam filum, rumpun, keluarga dan subkeluarga.

Selanjutnya, Noriah (2015) sependapat dengan Asmah (1993). Menurut beliau penegasan yang dibuat oleh pengemuka dalam bidang LSP ini berpaksikan pada satu idea asas, iaitu setiap bahasa (dan dialek) diandaikan diturunkan daripada sebuah bahasa induk. Bahasa induk atau bahasa purba ialah sebuah bahasa hipotetikal yang sudah tidak dituturkan lagi. Salah satu cara menggambarkan hubungan antara bahasa induk dengan bahasa-bahasa yang lebih baharu adalah menerusi rajah pohon (*Family Tree Diagram*) iaitu, salasilah bahasa yang diperkenalkan oleh August Schleicher, seorang linguist Jerman pada abad ke-19. Rajah pohon berkenaan memaparkan bahasa induk sebagai titik pergerakan dan pencabangannya yang menunjukkan bahasa-bahasa yang lebih baharu. Dalam konteks ini juga, Syed Zainal Arif & Noriah (2017) turut mengupas berkaitan salasilah bahasa Melayu dengan menitikberatkan aspek penurunan bahasa daripada bentuk yang lebih tua yang akan mewujudkan salasilah bahasa. Salasilah bahasa ini mengandungi peringkat perkembangan bahasa yang ditentukan berdasarkan usia bahasa atau istilahnya lama-waktu yang berbeza-beza. Ini kerana, istilah filum, rumpun, keluarga dan subkeluarga bahasa digunakan untuk menunjukkan usia bahasa dalam peringkat perkembangan bahasa atau hubungan antara bahasa induk dengan bahasa-bahasa yang dipencarkannya.

Berdasarkan beberapa kajian lepas yang menjadikan pendekatan LSP sebagai asas kepada penghuraian berkaitan peringkat perkembangan bahasa mampu memberikan maklumat yang lebih jelas dan terperinci berkaitan konsep dan proses yang berlaku khususnya dalam konteks salasilah hipotetikal bahasa berdasarkan usia lama-waktu sesuatu kumpulan bahasa. Justeru, kelemahan dan kelonggaran yang terdapat dalam sesetengah kajian telah menggerakkan pengkaji untuk menggilap semula fungsi dan keperluan bidang LSP dalam membincangkan salasilah rumpun bahasa khususnya bahasa Melayu berdasarkan pendapat dan perbincangan oleh pemain utama dalam bidang ilmu ini.

Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan untuk tujuan berikut:

1. Menghuraikan susur galur bahasa Melayu melalui peringkat perkembangan bahasa yang ditentukan berdasarkan usia atau 'lama waktu'.
2. Menyerlahkan fungsi dan keperluan bidang Linguistik Sejarah dan Perbandingan dalam pemerihalan salasilah rumpun bahasa, khususnya bahasa Melayu.

Soalan Kajian

1. Bagaimanakah susur galur bahasa Melayu melalui peringkat perkembangan sesuatu bahasa ditentukan berdasarkan usia atau lama waktu?
2. Mengapakah bidang Linguistik Sejarah dan Perbandingan adalah penting dalam pemerihalan salasilah rumpun bahasa Melayu?

Pendekatan Kajian

Pengkaji menjalankan tatacara kualitatif dengan memperhalusi pandangan dan huraian oleh pengemuka bidang LSP dalam membincangkan peringkat perkembangan bahasa yang ditentukan berdasarkan usia atau lama-waktu. Data yang diperoleh daripada beberapa sumber diteliti dan diperhalusi bagi memastikan maklumat yang disampaikan itu tepat, sistematik dan mempunyai kesinambungan berdasarkan objektif kajian.

Dalam konteks LSP faktor masa merupakan faktor utama yang menjadi asbab kepada perubahan bahasa (Asmah, 1988). Ini kerana perubahan bahasa membawa perubahan kepada bentuk bahasa turunan, iaitu tidak sama dengan bentuk yang wujud sebelum ini. Dalam hal ini Noriah (2015) telah mengutarakan tiga justifikasi sekiranya perubahan bahasa dikaitkan dengan konsep kesanakan bahasa. Pertama, bentuk bahasa yang dipencarkan daripada bahasa induk mungkin tidak sama dengan bentuk dalam bahasa turunan. Kedua, bentuk bahasa turunan mungkin sama dengan bahasa induk. Ketiga, bentuk bahasa turunan mungkin mirip dengan bentuk bahasa induk. Bentuk bahasa induk yang sama atau mirip dengan bahasa-bahasa turunan ini disebut sebagai unsur berkognat. Unsur berkognat terhasil kerana bahasa-bahasa berasal daripada bahasa induk yang sama.


Teori Pohon

Teori Pohon atau Rajah Pohon Salasilah Bahasa diperkenalkan oleh August Schleicher, seorang linguist Jerman pada abad ke-19. Teori pohon berkenaan mengandungi bahasa induk sebagai titik pergerakan dan pencabangannya yang menunjukkan bahasa-bahasa yang lebih baharu.

Teori pohon membantu pengkaji melihat hubungan antara bahasa induk dengan bahasa turunan. Perkembangan sesuatu bahasa yang bermula dengan perkembangan dialek juga dapat diteliti. Ini kerana, dialek yang berpisah antara satu sama lain dibuktikan masih mempunyai pertembungan dan persamaan sama ada dari segi makna ataupun sebutan. Selain itu, teori ini membantu para pengkaji untuk mengklasifikasikan sesuatu bahasa dalam kumpulannya tersendiri.

Namun demikian, pengkaji sependapat dengan pandangan yang dikemukakan oleh Asmah (1988) dan Noriah (1999) yang menegaskan bahawa perkembangan dialek menjadi bahasa tidak berlaku seperti yang digambarkan dalam rajah pohon, iaitu seolah-olah berlaku secara mendadak. Ini kerana perkembangan dialek menjadi bahasa berlaku secara beransur-ansur dan memakan masa yang panjang. Perubahan bahasa mungkin berlaku pada semua unsur atau sebahagian unsur. Sebagai contoh terdapatnya kosa kata yang berubah dan ada yang tidak. Rajah 1 menunjukkan contoh rajah pohon yang dimaksudkan.

Rajah 1: Pohon Hipotetikal Salasilah Bahasa



Sumber: Noriah (2015)

Hubungan kekeluargaan bahasa dapat digambarkan dengan mensejajarkan perkembangan bahasa dengan perkembangan manusia. Andaian yang boleh dikemukakan ialah bahasa adalah berkerabat atau berkeluarga dan sesuatu bahasa berkembang iaitu muda menjadi tua. Setiap bahasa mempunyai ahli yang diberi nama variasi bahasa atau dialek (kelainan bahasa).

Berdasarkan kepada teori pohon, suatu bahasa dikatakan memencarkan dialek. Sesebuah dialek pula akan memencarkan subdialek. Sesebuah subdialek pula akan memencarkan subdialek-subdialek dan seterusnya. Dengan kata lain, teori ini melihat pemencaran bahasa-bahasa dari induknya seumpama percabangan dahan pada pokok. Semakin jauh peringkat cabang yang berlaku, maka semakin kurang pertembungan bahasa yang berlaku yang kemudiannya menghasilkan suatu bahasa yang lain.

Berdasarkan Rajah 1, bahasa A dianggap bahasa induk yang memencarkan dialek *B*, *C*, dan *D* yang disebut dialek turunan atau *daughter languages*. Dialek *B*, *C*, dan *D* ini akan berkembang menjadi bahasa. Wujudnya hubungan kesanakan antara bahasa-bahasa ini kerana berasal daripada moyang bahasa yang sama. Bahasa *B*, *C*, dan *D* pula akan

memencarkan dialek lain, iaitu e, f, g, h, i, j, k, l, dan m. Dialek-dialek ini akan berkembang menjadi bahasa dengan dialek-dialeknya.

Berdasarkan perkembangan dialek menjadi bahasa maka bahasa-bahasa dalam rajah pohon salasilah bahasa dikatakan berbeza usia berdasarkan bentuk yang memencarkan dengan bentuk yang dipencarkan. Misalnya antara bahasa A di tingkat paling atas dengan dialek m di tingkat paling bawah, Usia bahasa-bahasa dalam kelompok bahasa A dianggap lebih tua berbanding dengan bahasa-bahasa atau dialek-dialek dalam kelompok bahasa m. Usia atau disebut lama-waktu bahasa bermaksud umur bahasa berkenaan dihitung dari masa bahasa itu dipencarkan daripada bahasa induknya (Noriah & Rohani, 2011).

Pemeringkatan paling asas yang dapat dibuat berdasarkan konsep lama-waktu ialah pemeringkatan kepada filum, rumpun, keluarga dan bahasa. Pemeringkatan ini dibuat berdasarkan pengelompokan bahasa.

Pada masa kini bahasa induk tidak lagi wujud. Justeru para pengkaji khususnya dalam bidang LSP memungut data daripada bahasa turunan. Bahasa turunan yang dipencarkan daripada bahasa induk pula mungkin wujud atau tidak lagi disebabkan proses evolusi yang berlaku.


Salasilah Bahasa

Salasilah bahasa ialah daftar keturunan atau asal usul sesuatu bahasa (Syed Zainal Arif & Noriah, 2017). Ini bermaksud, sesuatu bahasa diturunkan daripada satu bahasa induk yang lebih tua lalu mewujudkan salasilah bahasa. Salasilah bahasa mempunyai peringkat perkembangan bahasa yang tertentu berdasarkan usia bahasa atau istilahnya “lama waktu” yang berbeza-beza.

Konsep “lama waktu” ialah pemeringkatan kepada filum, rumpun, keluarga dan bahasa. Rajah 2 menunjukkan salasilah hipotetikal bahasa berdasarkan usia. Berdasarkan andaian asas pendekatan LSP bahasa dalam kelompok rumpun dipencarkan daripada bahasa induk yang dinamakan filum bahasa seperti ditunjukkan dalam Rajah 3. Seterusnya, Rajah 4 menunjukkan rumpun bahasa yang menurunkan kelompok keluarga bahasa. Akhirnya, keluarga bahasa pula menurunkan kelompok subkeluarga bahasa seperti ditunjukkan dalam Rajah 5.


Berdasarkan Rajah 2 hingga Rajah 5 peringkat perkembangan bahasa atau hubungan antara bahasa induk dengan bahasa turunan digambarkan dengan menggunakan istilah filum, rumpun, keluarga dan subkeluarga. Istilah-istilah ini digunakan untuk menunjukkan usia bahasa atau “lama waktu” yang berbeza-beza.

Rajah 2: Salasilah Hipotetikal Bahasa Berdasarkan Usia




Sumber: Syed Zainal Arif & Noriah (2017)


Rajah 3: Filum Bahasa



Rajah 4: Rumpun Bahasa



Rajah 5: Keluarga Bahasa



Peringkat paling atas dalam hierarki salasilah bahasa ialah filum bahasa yang berusia 5,000 tahun ke atas. Filum bahasa ialah kelompok bahasa induk yang paling tua usia atau “lama waktu”. Filum bahasa menurunkan kelompok rumpun bahasa yang berusia antara 2,500 hingga 5,000 tahun. Rumpun bahasa pula menurunkan kelompok keluarga bahasa yang berusia kurang daripada 2,500 tahun. Akhirnya keluarga bahasa pula menurunkan subkeluarga bahasa yang berlainan usia masing-masing.


Pembahagian rumpun kepada keluarga berdasarkan persamaan dan perbezaan ciri. Apabila sejumlah bahasa mempunyai ciri persamaan yang tinggi ia akan dikelompokkan dalam kumpulan yang sama. Menurut Asmah (1993) ahli-ahli linguistik hanya mengelompokkan sesuatu bahasa setakat subkeluarga sahaja memandangkan jika proses ini diteruskan kepada perincian yang lebih kecil, iaitu merujuk kepada subsubkeluarga ianya akan menjadi lebih rumit.

Berdasarkan huraian di atas, peringkat perkembangan bahasa yang ditentukan berdasarkan usia bahasa atau “lama waktu” ini dapat diterapkan kepada salasilah bahasa Melayu seperti perbincangan yang berikutnya.

Salasilah Bahasa Melayu

Bahasa Austronesia juga dikenali sebagai bahasa Melayu-Polinesia yang digunakan oleh Wilhelm von Humbolt dan ahli antropologi. Istilah Bahasa Austronesia dan Melayu Polinesia digunakan untuk merujuk kepada bahasa-bahasa yang terdapat di kawasan Nusantara. Rajah 6 merupakan peta Bahasa Austronesia.

Rajah 6: Peta Bahasa Austronesia




Sumber: <http://www.languagesgulper.com/>

Bahasa Melayu tergolong ke dalam keluarga besar atau rumpun yang bernama Austronesia. Bahasa-bahasa rumpun Austronesia tersebar luas dari Formosa di sebelah utara hingga New Zealand di sebelah selatan dan dari Madagaskar di sebelah barat hingga ke Kepulauan Easter di sbelah timur (Nik Safiah, 2010).

Di tanah asal Austronesia diramalkan sudah ada kepelbagaian bahasa dan dialek yang dipencarkan daripada induk Austronesia tersebut. Apabila berlaku perpindahan keluar kelompok orang Austronesia ini dari kawasan tanah asal , mereka akan membawa bersama bahasa atau dialek mereka (Noriah & Rohani, 2011). Dengan adanya persamaan kosa kata antara bahasa di daratan Asia dengan kosa kata di pulau-pulau di selatan menyebabkan Wilhelm Von Humbolt membuat satu justifikasi bahawa bahasa-bahasa tersebut berasal dari induk yang sama. Hubungan kekerabatan itu mengambil masa yang sangat lama, iaitu 5000 tahun ke atas. Induk yang menurunkan bahasa-bahasa di daratan dan di pulau-pulau itu diberi nama filum atau filum Austrik. Rajah 7 menunjukkan salasilah bahasa Melayu berdasarkan usia.

Rajah 7: Salasilah Bahasa Melayu Berdasarkan Usia




Sumber: Syed Zainal Arif & Noriah (2017)

Pemencaran atau pencapahan bahasa Austronesia purba atau induk ini kepada bahasa-bahasa atau dialek-dialek turunan yang terdapat di kawasan Austronesia sekarang ini juga dapat dijelaskan menggunakan pendekatan LSP sebagaimana huraian berkaitan salasilah hipotetikal bahasa berdasarkan usia.

Berdasarkan andaian asas pendekatan LSP Filum Austrik atau Austris memencarkan bahasa-bahasa dalam kelompok rumpun Austronesia dan rumpun Austroasia seperti ditunjukkan dalam Rajah 8.

Rajah 8: Filum Austrik




Sumber: Asmah (1993); Noriah & Rohani (2011)

Istilah Austrik berasal dari kata dasar dalam bahasa Latin, ‘austro’ yang bermakna “selatan”. Dengan demikian filum Austrik bermakna filum bahasa-bahasa di kawasan selatan. Oleh itu rumpun Austroasia bermakna “Asia Selatan”. Rumpun Austroasia terdiri bahasa-bahasa Cham dan Mon-Khmer yang semuanya terdapat di dataran Asia, bahagian selatan dan sebahagian besar bahasa orang-orang asli Malaysia. Istilah Austronesia pula berasal daripada bahasa latin, iaitu ‘austro’ dan bahasa Yunani ‘nesos’ yang bermaksud pulau. Dengan itu “Austronesia” bermakna “pulau-pulau selatan”. Bahasa Melayu dan bahasa orang Asli, iaitu Jakun dan Temuan, digolongkan sebagai bahasa Austronesia.


Rumpun Austronesia terbahagi kepada dua kelompok, iaitu rumpun Austronesia Barat dan rumpun Austronesia Timur. Kelompok rumpun Austronesia Barat terdiri daripada keluarga Nusantara. Sementara rumpun Austronesia Timur terdiri daripada tiga keluarga bahasa, iaitu keluarga Melanesia, Mikronesia, dan Polinesia. Proses pemeringkatannya seperti ditunjukkan dalam Rajah 9.

Berdasarkan Rajah 9, rumpun Austronesia dibahagikan kepada empat keluarga, iaitu Indonesia, Melanesia, Mikronesia dan Polinesia. Pembahagian keluarga-keluarga itu adalah berdasarkan ciri-ciri persamaan dan perbezaan di antara satu sama lain. Persamaan dan perbezaan antara keluarga-keluarga itu merupakan persamaan dan perbezaan yang meliputi sistem bunyi, pembentukan kata dan ayat, dan perbendaharaan kata. Keluarga Polinesia meliputi bahasa-bahasa yang dituturkan di Fiji dan sekitarnya, dan kawasannya membentang ke selatan hingga ke New Zealand, dan ke timur hingga ke Hawaii dan Kepulauan Easter. Keluarga Melanesia berpusat ke New guinea (tidak termasuk bahasa-bahasa Papua), Halmahera dan pulau-pulau di sekitarnya. Kawasan Mikronesia terdapat di sebelah timur Filipina, iaitu meliputi pulau-pulau Palauan, Chamoro, Guam. Truk dan pulau-pulau lain di sekitarnya. Keluarga Indonesia/Nusantara pula meliputi dari Formosa di utara di Kepulauan Filipina dan Maluku yang merupakan sempadannya di sebelah timur, dan Pulau Timor di selatan. Di sebelah barat pula ialah Madagaskar.

Rajah 9: Rumpun Austronesia

Sumber: Noriah & Rohani (2011)

Dari keluarga Indonesia/Nusantara ini bahasa Melayu merupakan bahasa yang paling pesat perkembangannya. Buktinya, bahasa Melayu telah dijadikan sebagai bahasa kebangsaan di beberapa buah negara seperti di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei (Asmah, 1993). Keluarga Nusantara atau Indonesia terbahagi kepada dua subkeluarga, iaitu Indonesia Pusat dan Filipina Formosa. Pembahagian ini dapat dirujuk seperti Rajah 10.

Rajah 10: Keluarga Nusantara/Indonesia


Sumber: Noriah & Rohani (2011)

Berdasarkan Rajah 10, Keluarga Indonesia boleh dibahagikan kepada subkeluarga Indonesia Pusat dan subkeluarga Filipina-Formosa. Subkeluarga Indonesia Pusat terdiri daripada bahasa Melayu, bahasa-bahasa di Sarawak, Kalimantan dan pulau-pulau Indonesia lainnya. Subkeluarga Filipina-Formosa pula terdiri dari bahasa-bahasa di Filipina, dan bahasa-bahasa di Sabah dan Brunei (kecuali bahasa Melayu dan Lun Dayeh). Rajah 11 menunjukkan pengelompokan Bahasa Bumiputera Malaysia

Berdasarkan huraian Rajah 10, bahasa Melayu termasuk dalam subkeluarga Indonesia pusat. Berdasarkan gambar Rajah 11, dapat dilihat bahawa bahasa Melayu mempunyai perkaitan dengan bahasa-bahasa di Sarawak. Bahasa-bahasa bumiputera di Sabah, sungguhpun mempunyai perkaitan yang erat dengan bahasa Melayu tetapi perkaitannya itu agak jauh sedikit daripada perkaitan bahasa Melayu dengan bahasa-bahasa di Sarawak. Dalam hubungan ini, bahasa Melayu tidak akan dikaitkan lagi dengan bahasa-bahasa di Indonesia, tetapi lebih merujuk kepada pengelompokan bahasa-bahasa

bumiputera di Malaysia, dengan tujuan memperlihatkan hubungannya dengan bahasa Melayu.

Rajah 11: Pengelompokan Bahasa Bumiputera Malaysia




Sumber: Asmah (1993)

Skema Bercabang Bahasa Melayu

Susur Galur Skema bercabang telah diketengahkan oleh Asmah Omar (1988). Rajah 12 merupakan Skema bercabang hubungan bahasa Melayu Moden dengan bahasa Melayu Purba.

Skema Perkembangan Bercabang Bahasa Melayu ini menunjukkan bahawa semua bahasa berasal dari sumber yang sama, iaitu bahasa Melayu purba. Apabila menyoroti aspek sejarah perkembangan bahasa Melayu, biasanya apa yang dipaparkan ialah bahasa Melayu moden berkembang secara menegak dari bahasa Melayu kuno melalui bahasa Melayu Klasik. Apabila pendekatan LSP digunakan dengan membandingkan dialek-dialek Melayu dan rekonstruksi dalaman sistem fonologi, maka hubungan antara bahasa Melayu moden, bahasa Melayu klasik dan bahasa Melayu kuno dapat ditentukan.

Rajah 12: Skema Perkembangan Bercabang Bahasa Melayu

Sumber: Asmah (1988)

Kajian ini menyangkal skema menegak perkembangan bahasa Melayu yang memperlihatkan bahasa Melayu Klasik berkembang secara langsung dari bahasa Melayu Kuno. Ini kerana kajian ini mengandaikan bahawa ada kemungkinan bahasa Melayu kuno dan bahasa Melayu induk dipencarkan bersama daripada bahasa Melayu Purba. Pada peringkat permulaan pemencaran kedua-dua bahasa ini mempunyai hubungan sebagai dua dialek dari satu bahasa, tetapi akibat daripada perkembangan masa dan ruang kedua-dua dialek itu berkembang secara bersendirian hingga menjadi bahasa yang berbeza satu sama lain (Asmah, 1988). Bahasa Melayu Induk masih menurunkan dialek-dialek manakala bahasa Melayu kuno tidak menurunkan sebarang bahasa turunan lagi dan kekal sebagai sebuah bahasa tersendiri. Da, Db,...Dn dalam skema tersebut mewakili dialek-dialek Melayu sekarang ini. Andaian juga boleh dibuat bahawa Da, Db...Dn itu juga mempunyai bentuk klasik masing-masing atau setidaknya-tidaknya kelainan yang lebih tua dari yang ada sekarang ini, iaitu sebagai bahasa Melayu klasik.

Skema ini juga memperlihatkan bahawa bahasa Melayu Moden dan dialek Melayu Johor-Riau adalah lanjutan dari bahasa Melayu Klasik. Justeru, dapatlah disimpulkan bahawa bahasa Melayu Moden bukanlah merupakan pengembangan daripada dialek Johor-Riau dan bahasa Melayu Moden tidak begitu rapat hubungannya dengan dialek yang lain (Da,Db dan Dn) (Harahap, 1992). Ini kerana, dialek yang lain berasal daripada bahasa Melayu induk manakala dialek Johor-Riau berasal daripada bahasa Melayu Klasik.

Melalui pendekatan LSP ini menunjukkan bahawa perubahan bahasa berlaku secara beransur-ansur, bukan secara mendadak. Penemuan ini merupakan satu justifikasi yang relevan dan berguna untuk diketahui oleh para pengkaji baharu.

Penerapan Bidang LSP dalam Menangani Data Linguistik Melayu: Pemerian Terhadap Penulisan Terdahulu

Bidang LSP merupakan cabang ilmu yang begitu penting dan terus berkembang dalam usaha memenuhi empat objektifnya, iaitu 1) mengukur sejauh mana hubungan kekerabatan bahasa-bahasa yang berada dalam rumpun yang sama; 2) mengadakan rekonstruksi bahasa-bahasa yang ada pada waktu kini kepada bentuk bahasa protonya; 3) mengadakan pengelompokan (*subgrouping*) ke atas bahasa-bahasa yang berada dalam suatu rumpun bahasa atau subkelompok bahasa yang tertentu; dan 4) menentukan pusat penyebaran bahasa-bahasa proto (*homeland*) dan menetapkan gerak migrasi purba yang pernah berlaku (Rahim, 2006). Justeru pemerian terhadap penulisan pemain bidang ini berdasarkan dapatan keempat-empat objektif bidang LSP ini.

Dalam usaha mengukur tingkat kekerabatan bahasa-bahasa yang berada dalam rumpun yang sama beberapa pengkaji telah menggunakan pendekatan LSP ini dalam menangani data linguistik Melayu. Antaranya ialah Collins (1996) melalui penulisan buku yang bertajuk ‘Khazanah Dialek Melayu’. Beliau ada membuat perbandingan secara ringkas antara dialek Kedah dan “Bahasa Orang Laut” melalui empat aspek iaitu fonologi, morfologi, sintaksis dan kosa kata untuk menyemak sama ada bahasa “Orang laut” termasuk dalam subdialek Kedah atau tidak. Berdasarkan bukti leksikal menunjukkan bahawa terdapatnya persamaan yang jelas. Asmah (1985) melalui penulisannya dalam buku ‘Susur Galur Bahasa Melayu’ telah menjalankan kajian berkaitan dialek-dialek yang ada di Malaysia. Terdapat beberapa subdialek yang dibincangkan dalam kajian ini iaitu subdialek Kedah Persisiran, subdialek Kedah Utara, subdialek Perlis-Langkawi, subdialek Tanjung dan subdialek Balik Pulau. Selanjutnya Noriah (2001) melalui makalahnya bertajuk “Perbandingan Kuantitatif Bahasa Miri dengan Bahasa Melayu” telah membandingkan kosa kata asas bahasa Miri dengan bahasa Melayu. Tinjauan dan penyeneraian kosa kata asas telah memanfaatkan senarai 100 dan 200 kata Morris Swadesh. Perbandingan dibuat untuk menentukan tingkat kekerabatan bahasa Miri dengan bahasa Melayu. Kajian ini memberikan sumbangan terhadap langkah pendokumentasian unsur linguistik bahasa Miri yang semakin pupus disebabkan penutur dalam kalangan generasi muda mula beralih arah untuk menggunakan bahasa Melayu Sarawak.

Tugas penting seorang ahli linguistik sejarah adalah merekonstruksi bahasa purba dan melakukan penggolongan bahasa turunan (Rahim, 2006). Sebagai contoh Nothofer (1975) telah menggunakan data bahasa turunan, iaitu bahasa Sunda, Jawa, Melayu dan Madura untuk merekonstruksi bentuk bahasa Melayu-Jawa-Purba. Asmah (1995) melalui penulisan buku Rekonstruksi Fonologi Bahasa Melayu Induk telah memperoleh satu penemuan yang penting dari rekonstruksi ini. Hasil rekonstruksi tersebut menunjukkan bahawa dalam bahasa Melayu induk terdapat enam vokal yang mempunyai persamaan dengan vokal-vokal yang ada dalam dialek Johor dan dialek-dialek di sekitarnya, dan sembilan belas konsonan yang juga terdapat dalam kebanyakan dialek-dialek Melayu. Di samping itu, terdapat juga tiga diftong dalam bahasa Melayu induk.

Kaedah pengelompokan (*subgrouping*) dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu kaedah pengelompokan kualitatif dan kaedah pengelompokan kuantitatif. Kaedah ini berusaha mengumpulkan bahasa-bahasa dalam kelompok tertentu berdasarkan ciri-ciri linguistik tertentu seperti kosa kata. Antara tujuannya ialah untuk menentukan dalam kelompok mana tergolongnya satu-satu bahasa (Noriah & Mohd Khaidir, 2020). Rahim (1997) dalam artikelnya yang bertajuk Kesahan Leksikostatistik Menangani Isu Perbandingan Bahasa menjelaskan bahawa perkongsian ciri inovasi yang menjadi pengukur darjat kekerabatan bahasa serumpun boleh ditelusuri juga terhadap bahasa Austronesia, khususnya bahasa-bahasa yang berada dalam kelompok Ibanik. Perkongsian ciri inovasi ini membuktikan bahawa pada masa silam bahasa Melayu dan Ibanik merupakan satu bahasa yang utuh. Namun begitu, proses penghijrahan penutur bahasa Melayu ini menyebabkan jarak perbezaan antara bahasa Melayu dan Ibanik jelas kelihatan. Ini dibuktikan berdasarkan ciri-ciri inovasi pemisah yang wujud dalam bahasa Iban.

Selanjutnya bagi menentukan pusat penyebaran bahasa-bahasa proto (*homeland*) dan menetapkan gerak migrasi purba yang pernah berlaku asal usul bangsanya perlu diketahui terlebih dahulu (Asmah, 1993). Winstedt (1953) dalam artikelnya yang bertajuk *A History of Malaya* menyokong bahawa bangsa Melayu berasal dari Asia Tengah apabila penemuan kapak dan gendang tembaga, seperti yang ditemukan di gua-gua di Semenanjung dan di Sungai Tembeling di Pahang yang memperlihatkan persamaan yang terdapat di negeri China, Jawa dan Bali. Di samping itu, kepercayaan dan adat juga dapat menunjukkan arah gerak perpindahan suku-suku bangsa di Kepulauan Melayu. Asmah (1983) dalam bukunya yang bertajuk *The Malay Peoples of Malaysia and Their Languages* menyatakan bahawa suku-suku bangsa dalam rumpun Melayu ini juga percaya pada petanda-petanda baik dan buruk dari binatang seperti burung, ular dan rusa. Kepercayaan dan adat kebiasaan ini juga boleh dikaitkan dengan yang terdapat di daratan Asia.

Berdasarkan huraian di atas memperlihatkan bahawa asas yang dipakai dalam kajian LSP ialah melihat kesamaan bentuk dan makna yang wujud dalam dua bahasa atau lebih sebagai pantulan dari sumber bahasa proto yang sama (Collins, 1981). Pendokumentasian bahasa dan dialek yang diusahakan oleh pengkaji bidang ini mampu memulihkan, membina semula atau direkonstruksi bentuk bahasa turunan dan diwariskan kepada generasi kini agar tidak pupus. Pendekatan LSP ini juga membolehkan pengkaji menghasilkan maklumat perubahan yang berlaku terhadap bahasa yang ada sekarang untuk memperkukuhkan maklumat berkaitan perubahan budaya, migrasi dan sebagainya yang berlaku dalam sesebuah masyarakat.

Kesimpulan

Kesimpulannya ialah bidang LSP merupakan satu cabang ilmu yang penting dalam meneliti perkembangan dan perubahan unsur-unsur sesuatu bahasa dari zaman awal kemunculan bahasa sehinggalah ke suatu tempoh tertentu. Idea asas yang mendasari cabang ilmu ini ialah setiap bahasa diandaikan diturunkan daripada sebuah bahasa induk atau purba yang sudah tidak dituturkan lagi. Para pengkaji LSP perlu mempersoalkan dan meneliti perubahan unsur-unsur bahasa dalam bidang waktu tersebut seterusnya

mempelajari data-data linguistik daripada satu bahasa atau lebih yang dianggap berkerabat dan berada dalam kelompok yang sama. Walaupun bahasa berubah mengikut masa, jika terdapat dua atau lebih bahasa yang memperlihatkan persamaan yang banyak maka dapatlah diandaikan bahawa bahasa-bahasa ini berasal daripada sumber yang sama. Data-data daripada satu bahasa atau lebih dari dua period akan dibandingkan secara cermat untuk mengungkapkan perkaitan bahasa semasa dengan bahasa zaman prasejarah, merekonstruksi atau memulihkan bentuk yang dianggap lebih tua, meramalkan pusat penyebaran bahasa purba atau proto dan mengelompokkan bahasa dalam kelompok yang menunjukkan persamaan linguistik. Justeru, dalam membincangkan berkaitan konsep usia atau lama waktu sesuatu bahasa khususnya bahasa Melayu bukan sesuatu yang mudah. Ia memerlukan penelitian dan proses yang sistematik dengan menjadikan pendekatan LSP ini sebagai asas menangani fenomena atau data linguistik. Apa yang lebih penting gerak kerja melalui cabang ilmu ini dapat membina semula bahasa atau dialek yang sudah pupus untuk diwariskan kepada generasi kini.

Rujukan

- Asmah Omar. (1983). *The Malay People of Malaysia and Their Language*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (1985). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (1988). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (1993). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (1995). *Rekonstruksi Fonologi Bahasa Melayu Induk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmar Omar. (2008). *Susur Galur Bahasa Melayu. (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bynon, T. (1994). *Linguistik Sejarah*. Terjemahan Noor Ein Mohd Noor. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. (1981). Ilmu Linguistik Sejarah: Asas, Kaedah dan Hasilnya. *Jurnal Dewan Bahasa*. Vol 25, No 10, 5-24.
- Collins, J. T. (1996). *Khazanah Dialek Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harahap, D. (1992). *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Melayu*. Pulau Pinnag: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Keraf, G. (1984). *Linguistik Bandingan Historis*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.
- Nik Safiah Karim. (2010). *Panorama Bahasa Melayu Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Noriah Mohamed. (1999). *Sejarah Sociolinguistik Bahasa Melayu Lama*. Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia.
- Noriah Mohamed. (2001). Perbandingan Kuantitatif Bahasa Miri dengan Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*. Vol 1, No 3, 378-397.

- Noriah Mohamed. (2015). *Siri Syarahan Umum Pelantikan Profesor, Pelestarian Turunan, Penelusuran Moyang: Pengadunan Sociolinguistik dan Linguistik Sejarah dalam Pendokumentasian Bahasa Peribumi*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Noriah Mohamed & Mohd Khaidir bin Abdul Wahab. (2020). *Nota Kuliah HMT 316 Linguistik Sejarah dan Perbandingan Bahasa Austronesia (NO. IPR: LY2020000290)*. Kuala Lumpur: Perbadanan Harta Intelek Malaysia.
- Noriah Mohamed & Rohani Mohd Yusof. (2011). *Pengelompokan Leksikostatistik Bahasa-Bahasa Peribumi di Sarawak*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Nothofer, B. (1975). *The Reconstruction of Proto-Malayo-Javanic*. Vol 73. The Hague: Brill.
- Rahim Aman. (1997). Kesahan Leksikostatistik Menangani Isu Perbandingan Bahasa. *Jurnal Bahasa*. Vol 14, No 2, 170-174.
- Rahim Aman. (2006). Linguistik Sejarah. Dalam Zulkifley Hamid et.al (Eds.), *Linguistik Melayu* (pp. 142-159). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sudarno. (1994). *Perbandingan Bahasa Nusantara*. Jakarta: Arikha Medika Cipta.
- Surip, M. & Widayanti, D. (2019). Kekerabatan Bahasa Jawa dan Bahasa Gayo: Kajian Linguistik Historis Komparatif. *Jurnal Bahasa Lingua Scientia*. Vol 11, No 1, 1-26.
- Syed Zainal Ariff Syed Jamaluddin & Noriah Mohamed. (2017). *Susur Galur dan Perkembangan Imbuhan Bahasa Melayu Klasik*. Selangor: PTS Akademia,
- Winstedt, R. (1953). A History of Malaya, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Astatie Society*, Vol 13, No 1, 7.